

# Dr. Mahathir dijadual lawat Perak 28 Oktober

IPOH, Jumaat— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan rasmi dua hari ke Perak mulai 28 Oktober depan, demikian difahamkan hari ini.

Lawatan tersebut ialah yang pertama sejak beliau dilantik menjadi Perdana Menteri, bulan lalu.

Perdana Menteri yang dijangka disertai oleh isterinya, binti Seri Dr. Siti Hasmah, akan merasmikan Seminar Pembangunan di sini pada 29 Oktober.

Seminar, tiga hari, yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri dan Institut

Tadbiran Awam Negeri (INTAN) akan dihadiri oleh kira-kira 130 peserta termasuk ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Senator dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan di Perak.

Seminar itu mempunyai tiga matlamat utama iaitu:

■ Untuk mengamati dasar-dasar dan isu-isu penting bersabit pembangunan dan keselamatan Perak dalam konteks Rancangan Malaysia Keempat (RME);

■ Untuk menguatkan keupayaan pelaksanaan pembangunan bagi mempercepat pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB); dan

BERITA HARIAN, SABTU, 29 OGOS, 1981

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

■ Untuk mewujudkan satu suasana positif di antara pemimpin-pemimpin politik dan pegawai tadbir supaya mereka dapat bertukar-tukar fikiran dengan jujur dan terus terang mengenai perkara-perkara tersebut di atas.

Adalah difahamkan 11 kertas kerja, termasuk oleh seorang Menteri Pusat, akan dibentangkan di seminar yang akan ditutup oleh Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Ketua Jawatankuasa Perhubungan Umno Perak, dijangka mem-

pengerusikan mesyuarat jawatankuasa tersebut dalam lawatannya.

Ini adalah kerana selepas Perhimpunan Agung parti di Kuala Lumpur dan sejak menjadi Perdana Menteri, jawatankuasa itu belum pernah mengadakan mesyuarat dan difahamkan ada di antara ahli-ahli jawatankuasa yang mempunyai perkara penting untuk dibincangkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka diberi sambutan meriah setibanya di sini untuk lawatan tersebut.

Kali terakhir beliau melawat Perak ialah bulan Jun lalu selaku Timbalan Perdana Menteri.